

Isnin, Feb 26 2018

Ringgit didagang tinggi minggu ini

UM 26/2

KUALA LUMPUR 25

Feb. - Ringgit dijangka didagangkan tinggi dengan kecenderungan positif berbanding dolar AS minggu depan susulan unjuran suram pedagang terhadap kadar faedah AS.

Ketua Perdagangan OANDA Corp bagi Asia Pasifik, Stephen Innes berkata, unjuran kenaikan kadar faedah AS dan pasaran yang semakin sensitif terhadap data ekonomi tempatan, memberikan beberapa cabaran jangka pendek kepada ringgit.

“Kami percaya kadar faedah AS sudah pasti dinaikkan, namun

sejingga kita mendapat isyarat pasti daripada pengerusi baharu Rizab Persekutuan, Jerome Powell, yang dijangkakan minggu depan, aliran kemasukan luar dijangkakan rendah dalam jangka pendek," katanya.

"Pelabur jangka panjang perlu terus mengesan tahap oportunistik untuk ringgit kembali meningkat," katanya.

Sementara itu, penanda aras minyak mentah Brent diniagakan 0.44 peratus lebih rendah kepada AS\$65.82 setong.

Pada asas Jumaat hingga Khamis, nota tempatan ditutup pada 3.9170/9200 berbanding dolar AS daripada 3.8910/8980 pada minggu sebelumnya. Ringgit bagaimanapun bercampur-campur berbanding sekumpulan mata wang utama.

Ia meningkat berbanding dolar Singapura kepada 2.9607/9639 daripada 2.9659/9724, namun rendah berbanding yen kepada 3.6642/6677 daripada 3.6559/6635 minggu lepas. - BERNAMA



.....